

---

## PERANAN MEDIA SEBAGAI ALAT KESEDARAN SOSIAL DALAM KALANGAN ORANG KURANG UPAYA DI MALAYSIA

HAZLIN FALINA ROSLI, WAN AMIZAH WAN MAHMUD & MAIZATUL HAIZAN  
MAHBOB  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

### **Abstrak**

Media merupakan pihak yang dapat memberikan maklumat lanjut tentang golongan OKU dan cara untuk membantu mereka. Kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk melihat semula fungsi yang dimainkan oleh media massa dalam menyebarkan maklumat mengenai isu kesamarataan hak OKU kepada masyarakat. Ini bagi meningkatkan pemahaman masyarakat mengenai hak OKU melalui media massa. Akibat daripada kekurangan pengetahuan yang sah mengenai fungsi media massa sebagai pencorak sosio-budaya serta maklumat mengenai kesamarataan hak OKU yang ada, maka hal ini telah menyebabkan kesukaran mengidentifikasikan proses pemahaman, penilaian dan pembentukan tingkah laku di dalam masyarakat. Dalam erti kata yang lain, setakat ini, maklumat yang diperolehi longgar dan tidak berbentuk empirikal. Oleh kerana itu, kajian ini dibentuk untuk membantu mengatasi kekurangan maklumat dan pengetahuan masyarakat mengenai kesamarataan hak dalam kalangan OKU di Malaysia dari perspektif media dan masyarakat. Teori yang digunakan di dalam kajian adalah teori penyuburan. Hasil dapatan daripada kajian ini diharapkan dapat memberi gambaran yang jelas tentang kesamarataan hak dalam kalangan OKU kepada masyarakat serta dapat memberi input yang bermanfaat agar kesedaran tentang OKU dapat dipertingkatkan dan seterusnya dapat menjamin penerimaan golongan tersebut dalam kalangan masyarakat.

***Kata kunci** – Kesedaran, OKU, kesamarataan hak, komunikasi, media*

## THE ROLE OF MEDIA AS A SOCIAL AWARENESS TOOL AMONG THE DISABLED IN MALAYSIA

### **Abstract**

Media is a way that can provide information on disabled people and ways to help them. This research is carried out to review the functions of mass media in spreading information to society on the issues of equal rights for disabled people. This is to raise public awareness on disabled people's rights through mass media. As a result of the lack of valid knowledge about the function of mass media as a socio-cultural trend formation as well as information on disabled people have equal rights, then this has caused difficulty in understanding the process of identifying, evaluating and formation of behavior in society. In other words, so far the information obtained are not empirical and loose. Because of that, this research is carried out to help overcome society's lack of information and knowledge on disabled people's rights in Malaysia from the media and society's perspective. The theory used for this research is the cultivation theory. The findings of this research are expected to give a clear picture on the equal rights of disabled

---

people to society and give a better input to further raise public awareness on the disabled, ensuring the acceptance of the community in society.

*Keywords* – Awareness, disabled people, rights of equality, communication, media

## **PENGENALAN**

Media massa adalah alat atau instrumen terpenting yang digunakan untuk menyampaikan maklumat, membina persepsi dan tanggapan, dan membentuk sikap masyarakat tentang maklumat yang disampaikan. Media telah terbukti menjadi alat atau perantara terpenting dalam menyampaikan maklumat dan mesej tertentu. Kepentingan media bukan sekadar terhenti setakat menyampaikan maklumat sahaja, tetapi lebih daripada itu kerana media berperanan dalam membentuk pola pemikiran masyarakat.

Selain itu, media massa juga boleh bertindak dengan menyeru masyarakat memberikan sumbangan kepada golongan OKU yang memerlukan bantuan dari segi kewangan. Masyarakat harus diberitahu bahawa golongan OKU berhak mendapat peluang pendidikan dan juga bersosial dengan masyarakat serta tidak dipisahkan daripada aktiviti kemasyarakatan. Masyarakat harus memberikan layanan yang saksama kepada golongan OKU. Media massa harus bekerjasama bagai aur dengan tebing bersama-sama masyarakat tempatan menekankan bahawa kecacatan bukan penghalang dalam memberikan sumbangan yang bermakna kepada produktiviti dan kemajuan negara. Banyak individu cemerlang telah berjaya meningkatkan nama baik negara dalam aspek sukan, pertandingan dan juga keputusan yang baik walaupun mereka mempunyai kecacatan dari aspek fizikal.

Mengikut statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat, OKU yang berdaftar sehingga Jun 2014 mengikut negeri adalah seramai 508,487 orang dan masih ada sebilangan OKU yang tidak berdaftar. Sejumlah 182,664 orang merupakan OKU masalah pembelajaran, diikuti 167,002 OKU fizikal, OKU pendengaran 60,061 orang, OKU penglihatan pula 47,999 orang dan OKU mental 21,474 orang serta OKU pelbagai kategori sebanyak 25,477 orang. Sungguhpun mereka ini dikelompokkan sebagai golongan minoriti tetapi hak mereka di dalam masyarakat tidak harus dipinggirkan. Bagaimanapun hak mereka untuk menerima maklumat yang tepat seakan ditindas

---

kerana permasalahan kurangnya pemaparan mengenai hak-hak oku di media. Inilah punca utama komuniti OKU ketinggalan dalam pelbagai aspek termasuk hak mendapat dan menerima maklumat di dalam menjalani kehidupan yang serba mencabar ini. Ketidakadilan dan ketidakseimbangan kita di dalam menyebarkan maklumat kepada golongan ini memerlukan penilaian semula serta kerjasama yang menyeluruh daripada pelbagai sudut secara konsisten dan komited. *'Deafness is not so much a deprivation of hearing as it is a deprivation of information'* (Carver, 1993).

Hakikatnya, negara masih lagi gagal melunaskan tanggungjawab dalam menyediakan keperluan maklumat yang lengkap dan relevan kepada golongan ini. Kesempurnaan maklumat diukur dari sudut keberkesannya menyelesaikan sesuatu masalah serta membantu membuat keputusan dengan tepat, cekap dan cepat. Objektif kajian ini adalah untuk melihat peranan media massa sebagai alat kesedaran sosial mengenai isu kesamarataan hak dalam kalangan OKU.

### **FUNGSI MEDIA SEBAGAI ALAT KESEDARAN SOSIAL**

Kesedaran mengenai masalah OKU muncul daripada keprihatinan terhadap perkara-perkara seperti hak mereka untuk mendapatkan pendidikan, pekerjaan, bersosial serta kemudahan awam seperti insan normal yang lain. Masalah kesamarataan hak dalam kalangan OKU yang semakin serius ini telah meningkatkan kesedaran media massa untuk menguar-uarkan pentingnya memahami dan menjaga hak golongan ini. Apa yang pasti, kesan langsung daripada isu kesamarataan hak dalam kalangan OKU ini masih dipandang enteng oleh sebilangan masyarakat kerana mereka merasakan isu sebegini tidak begitu penting serta tidak dekat di hati mereka. Masyarakat mempunyai kefahaman yang lebih baik terhadap masalah semasa yang berlaku di sekeliling mereka berbanding isu sejagat yang rumit.

Pada masa kini, banyak kemudahan media baharu seperti internet, telefon pintar dan sebagainya telah memberi dimensi baharu kepada masyarakat dalam memahami isu OKU dan tindakannya. Sebelum ini hanya media tradisional seperti televisyen, radio dan akhbar yang menyediakan maklumat dan informasi mengenai kesamarataan hak dalam kalangan OKU kepada masyarakat. Internet membolehkan isu-isu sebegini dikumpul, disampaikan serta dibincangkan

secara terbuka bersama masyarakat. Secara tidak langsung, ia mempengaruhi kesedaran masyarakat terhadap hak-hak golongan terpinggir ini.

Kurang sekali kajian mengenai kesedaran masyarakat terhadap isu OKU serta fungsi yang dimainkan oleh media massa dalam menangani hal ini. Tahap kesedaran dan pengetahuan masyarakat mengenai isu OKU amat kurang. Penglibatan masyarakat dalam memahami serta menangani isu kesamarataan hak OKU juga masih rendah. Tidak kira seseorang itu berasa rapat dengan golongan OKU atau tidak, mereka adalah saling bergantung serta memerlukan antara satu sama lain dalam apa jua kegiatan harian yang dilalui (Tan Pei San & Norzaini, 2011).

Sebab OKU kurang mendapat liputan kerana isu-isu yang diutarakan lebih kurang sama. Penyelidik ingin melihat kekerapan cetakan serta liputan isu-isu OKU yang telah meningkat pada tahun-tahun kebelakangan ini, tetapi tiada kajian ke atas topik ini telah dijalankan sehingga kini (Record, 2011).

Clogston (1990) membuat perbandingan terhadap jenis isu-isu OKU yang sering dibuat liputan oleh wartawan, antaranya 16 akhbar di Amerika dan mendapati bahawa 60 peratus daripada artikel dalam media cetak menceritakan tentang isu-isu perubahan atau ekonomi. Namun, kajian ke atas liputan berita tentang isu-isu OKU agak tandus, dan perlu dilanjutkan kajiannya melalui pelbagai aspek, termasuk kekerapan, ketepatan dan kesamarataan (Shapiro, 1994). Dalam erti kata yang lain, setakat ini, maklumat yang diperolehi longgar dan tidak berbentuk empirikal. Oleh kerana itu, kajian ini dibentuk untuk membantu mengatasi kekurangan maklumat dan pengetahuan masyarakat mengenai kesamarataan hak dalam kalangan OKU di Malaysia dari perspektif media dan masyarakat.

Sementelah itu, sebagai sebuah institusi penting dalam masyarakat, media sering kali menjadi tumpuan dalam usaha memahami proses perkembangan dan perubahan masyarakat. Lazimnya, media dilihat dan dipercayai mempunyai pengaruh yang kuat dalam kehidupan seharian manusia dan memainkan peranan penting dalam proses pembelajaran masyarakat.

---

Harold Lasswell (1948), mencadangkan pembentukan sebuah model analisis fungsi media yang boleh membimbing pemikiran mengenai perkara tersebut. Media, menurut beliau, menyediakan pengawasan keadaan sekeliling dan kolerasi komponen masyarakat berhubung dengan keadaan sekeliling. Menurut Laswell, media harus mengawal, membentuk, dan membantu masyarakat memahami dunia di sekeliling mereka dan bertindak sebagai penggerak sosialisasi. Oleh itu, matlamat kajian ini selain daripada membantu mengatasi kekurangan maklumat dan pengetahuan di samping mewujudkan masyarakat yang lebih peka terhadap isu semasa terutama dalam menangani isu hak OKU.

Tahap kesedaran yang rendah disebabkan kurangnya pendedahan maklumat dalam media massa di kalangan masyarakat tentang hak kesamarataan, dikenal pasti sebagai suatu halangan kepada golongan tersebut untuk terlibat secara penuh di dalam masyarakat. Selain itu, terdapat kurangnya statistik dan kajian terperinci tentang isu OKU di Malaysia serta masalah yang dihadapi oleh mereka (Hasnah et al., 2010).

Faktor yang dapat mengubah sikap negatif terhadap OKU adalah maklumat mengenai kumpulan ini dan hubungan secara langsung dengan mereka. Lebih banyak maklumat yang disampaikan oleh media massa mengenai OKU yang diketahui oleh masyarakat, maka semakin kurangnya stereotaip negatif mengenai OKU dan semakin positif sikap mereka terhadap OKU (Katz, Haz & Bailey, 1988; Ibrahim & Herr, 1982). Ini membolehkan OKU diiktiraf dan diberi segala kemudahan untuk mereka hidup secara normal dan berdikari. Terdapat kira-kira RM2.2 billion peruntukan yang diberi oleh kerajaan kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dalam pembentangan bajet 2015 bagi menampung keperluan mereka. RM1.2 billion daripadanya digunakan untuk urusan kebajikan serta manfaat kepada 110 ribu OKU, ini menunjukkan betapa prihatinnya Kementerian tersebut terhadap kebajikan golongan ini dan ia harus dilayan sama seperti manusia biasa. Sekiranya bilangan mereka yang boleh bekerja diberi latihan dan kemudahan secukupnya, mereka bukan sahaja boleh menyumbang kepada pembangunan negara, malah boleh mengurangkan beban kerajaan dalam menanggung keperluan mereka. Sebanyak 95% golongan Orang Kurang Upaya (OKU) yang menerima geran Skim Bantuan Galakan Perniagaan OKU berjaya meluaskan perniagaan dan seramai 698 orang

yang berjaya dalam bidang tertentu seperti penternakan, bakeri, bengkel dan restoran di seluruh negara. Penglibatan secara langsung OKU dalam menghasilkan kraf tangan di bawah pengurusan Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia bagi menjana pendapatan dan peningkatan kepada ekonomi negara. Ini secara tidak langsung membuat mereka merasa diri mereka juga penting dan menjadi sebahagian daripada masyarakat yang produktif.

### **PEMINGGIRAN TERHADAP HAK OKU DALAM MASYARAKAT**

Pelbagai isu yang berkaitan dengan OKU menjadi perhatian pelbagai pihak terutama sekali isu mengenai kerjaya dan masa depan golongan ini. Malah isu kesedaran mengenai kerjaya OKU di kalangan orang awam juga diberi perhatian dan dititikberatkan sehingga Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) terpaksa menggesa supaya kerajaan menggubal satu akta bagi memastikan OKU menikmati kesaksamaan dan melindungi OKU daripada sebarang bentuk penganiayaan sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Isu serta perkara yang berkaitan dengan hak asasi manusia mula mendapat perhatian serius di peringkat antarabangsa melalui pengisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat pada tahun 1948. Kewujudan konsep hak asasi manusia masih baru namun menurut Thomas Paine (1737-1809), idea dan pemikiran mengenai hak asasi manusia sudah dapat dikesan setelah kewujudan manusia itu sendiri. Dalam konteks hak asasi manusia, negara yang mengamalkan demokrasi akan berpegang kepada enam falsafah demokrasi iaitu rasional, bermoral, kesamarataan, kebolehan mencapai kemajuan, berkerajaan sendiri iaitu kerajaan dengan kehendak rakyat, dan kebebasan. Hak asasi ini juga wujud dalam masyarakat dan negara yang mendokong nilai-nilai demokratik seperti kebebasan untuk bercakap, kebebasan untuk mengekspresi dan kebebasan untuk mengutarakan pendapat serta pemikiran. Bagi menjamin setiap individu memiliki hak tanpa sebarang diskriminasi, semua individu dan masyarakat harus dilayan sama rata tanpa mengira bangsa, agama mahu pun keturunan.

Isu hak asasi manusia telah menjadi isu sejagat apabila mula diperdebatkan di peringkat dunia dan sering menjadi agenda utama di dalam setiap persidangan antarabangsa. Ia adalah kesan daripada kesedaran masyarakat dunia tentang hak asasi manusia sebagai warga sesebuah negara. Keputusan kerajaan Malaysia untuk menubuhkan institusi hak asasi manusia bermula

---

apabila Malaysia mula bergiat aktif dalam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBBB) bagi isu hak asasi manusia. Selain itu juga Malaysia turut terpilih sebagai ahli suruhanjaya oleh Majlis Ekonomi dan Sosial Bangsa-bangsa Bersatu (ECOSOC) pada 1993-1995. Tun Musa Hitam pada ketika itu Ketua Perwakilan Malaysia telah dilantik sebagai pengerusi yang ke 52 bagi United Nations High Commissioner for Refugee (UNCHR) dan seterusnya dipilih untuk penggal kedua di UNCHR pada tahun 1996 hingga 1998 dan seterusnya untuk penggal ke 3 pula iaitu pada tahun 2001 hingga 2003. Penyertaan aktif Malaysia dalam pertubuhan ini telah membuktikan bahawa Malaysia sendiri dengan telusnya menitik beratkan hak asasi manusia sejagat terutama hak asasi rakyat Malaysia itu sendiri.

Di media, pemaparan mengenai OKU dilihat rata-rata menghadapi layanan yang berbeza-beza dalam masyarakat. Dimana ianya wujud diskriminasi dalam masyarakat seperti dipikul, diperbodohkan, tidak berupaya dan bergantung harap dengan orang disekeliling serta stereotaip yang negatif terhadap mereka.

OKU adalah salah satu contoh utama dari sekumpulan masyarakat yang sering menghadapi rintangan besar dalam mendapatkan rasa dihormati dan samarata hak mereka dalam masyarakat. Selalunya golongan ini dikelaskan sebagai golongan minoriti yang terpinggir daripada mendapatkan hak-hak mereka dalam masyarakat. OKU juga antara golongan yang menghadapi banyak cabaran dalam mendapatkan hak samarata mereka dalam masyarakat tidak seperti kaum minoriti lain contohnya hak warga Afrika dan hak golongan Wanita (Altman, 1981; Biklen, 1986).

Namun begitu terdapat pelbagai konsep serta definisi mengenai hak asasi manusia. Menurut Wong Hon Wai (2001), hak asasi manusia boleh ditakrifkan sebagai hak dan dasar yang wajib diterima dengan sama rata seperti hak untuk memberi pendapat, mendapat perlindungan dan pendidikan yang sempurna, makanan, menganut agama atau kepercayaan dan sebagainya. Manakala menurut Kofi Anan (2005) hak asasi manusia adalah asas kepada kewujudan manusia dan kewujudan bersama manusia. Hak asasi manusia bersifat sejagat, tidak boleh dibahagikan dan saling bergantung antara satu sama lain.

---

Seiring dengan peredaran zaman, hak asasi manusia harus diberi tafsiran dan pengertian yang lebih meluas dan mencakupi pelbagai aspek kehidupan manusia. Dalam penafsiran moden terdapat tiga dokumen penting berkenaan Hak Asasi Manusia iaitu Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat 1948, konvensyen Antarabangsa Hak-hak Sivil dan Politik 1966 dan konvensyen Antarabangsa Hak-hak Ekonomi, Sosial dan Kebudayaan 1966. Dalam kedua-dua konvensyen antarabangsa tersebut, hak-hak asasi manusia tidak terbatas dalam perkara-perkara seperti hak yang terdapat di bawah undang-undang hak sivil dan politik iaitu hak kebebasan bercakap, kebebasan beragama, kebebasan berkumpul dan menubuhkan persatuan, kebebasan daripada penderaan dan kesaksamaan dan hak-hak di bawah hak sosial, kebudayaan dan ekonomi seperti hak kepada pendidikan, pekerjaan dan rekreasi, hak menikmati perkhidmatan yang minimum berkenaan kesihatan, tempat tinggal serta persekitaran yang selamat. Rousseau (1900) yang mengkonsepsikan kontrak sosial menggariskan hubungan antara ahli-ahli masyarakat di mana setiap ahli melepaskan hak individu tertentu untuk mendapatkan keselamatan sosial yang bersifat kepentingan ramai merupakan definisi hak asasi manusia.

Hak asasi manusia secara jelasnya diwartakan dalam undang-undang antarabangsa. Ia diwujudkan untuk memenuhi piagam PBB itu sendiri iaitu hak asasi manusia adalah milik semua dan tiada pengecualian. Semua manusia secara azalnya dilahirkan dengan hak asasi dan ia bukan keistimewaan untuk golongan tertentu sahaja. Sebagai lanjutan kepada 'International Bill of Right' yang diwujudkan lebih awal. Selepas itu diwujudkan pula Pengisytiharan Sejagat Hak Asasi Manusia yang memberikan garis panduan berkenaan dengan Hak Asasi Manusia. Berkenaan isu semasa iaitu "Agenda Global", Charles Norchiu menekankan bahawa pengisytiharan sejagat mewakili sempadan persetujuan berkenaan hak asasi tanpa terikat dengan budaya dan tradisi. Hak asasi sejagat seterusnya dikukuhkan lagi dengan dua konvensyen antarabangsa iaitu "International Covenant on Economic, Social and Cultural Rights, and International Covenant on Civil and Political Rights" yang mengambil berat berkenaan dengan pencabulan hak asasi manusia seperti pembunuhan etnik, diskriminasi perkauman, diskriminasi wanita, hak kanak-kanak dan golongan minoriti, toleransi beragama. Dalam kajian ini, kesamarataan hak yang dikaji lebih ditumpukan kepada hak OKU dalam mendapatkan kemudahan awam dan aksesibiliti, hak OKU mendapatkan peluang kesaksamaan dalam



---

pekerjaan, hak OKU mendapatkan peluang kesaksamaan dalam pendidikan dan hak OKU mendapatkan peluang kesaksamaan dalam bersosial.

Semua individu tanpa mengira keupayaan dan ketidakupayaan mereka, jantina, sosial, ekonomi, kebudayaan, latar belakang etnik atau agama mempunyai hak yang sama rata untuk mendapatkan kualiti kehidupan yang baik. Antara hak OKU di Malaysia ialah mendapatkan kemudahan awam dan aksesibiliti, mendapatkan peluang kesaksamaan dalam pekerjaan, peluang kesaksamaan dalam pendidikan dan peluang kesaksamaan dalam bersosial.

Menurut Jabatan Kebajikan Masyarakat (dalam Mohd Arif 2002), penyediaan kemudahan untuk golongan kurang upaya bukanlah merupakan satu pembaziran kerana golongan ini juga mempunyai '*economic value*' yang menyumbang kepada ekonomi negara. Walaupun mereka ini hanya golongan minoriti, pihak yang terlibat haruslah prihatin dan perlu menjalankan tanggungjawab bagi menyediakan keperluan golongan istimewa ini sesuai dengan status mereka sebagai ahli profesional.

Melalui aspek kesamarataan hak OKU dalam pekerjaan, bilangan OKU yang berjaya mendapat pekerjaan di sektor awam dan sektor swasta adalah kurang memberangsangkan. Jumlah 1,500 OKU yang bekerja dalam sektor awam masih jauh daripada sasaran berbanding 1.4 juta kakitangan awam seluruh negara (Dasar dan Pelan Tindakan OKU, 2007).

Selama ini, OKU sering menghadapi rintangan di luar kemunasabahan dalam mendapatkan pekerjaan. Tidak cukup dengan itu, kakitangan OKU sering diberi tekanan dan penindasan mental dan psikologi yang berterusan di tempat kerja. Satu garis panduan khas berkaitan pengambilan OKU sebagai pekerja sehingga tamat perkhidmatan perlu diwujudkan, disebarkan dan diamalkan sebagai satu keperluan minimum bagi menyokong kuota satu peratus yang digubal.

Berlainan pula dapatan kajian yang diperolehi oleh Hasnah Mahassan (1997) yang mendapati bahawa OKU tidak menyalahkan pihak kerajaan atau pihak berwajib di atas

---

keterbatasan peluang pekerjaan sebaliknya menganggap masalah diri sendiri seperti kecacatan yang dialami sebagai punca.

Hasil dapatan menunjukkan tahap kekangan pemilihan kerjaya dalam kalangan pelajar OKU (pendengaran) Sekolah Menengah Vokasional di Malaysia berada pada tahap tinggi disebabkan oleh kekurangan kemudahan di tempat kerja, kurang kemahiran dalam bidang yang diceburi dan sikap OKU itu sendiri yang kurang berdikari sementara faktor ketidakselarasan di antara kemahiran yang diikuti semasa di institusi latihan dengan kemahiran yang diperlukan oleh industri dan kekangan keluarga mempengaruhi pada tahap sederhana. Kajian ini mencadangkan semua majikan menyediakan kemudahan asas kepada pekerja OKU, guru bimbingan dan kerjaya, memberi latihan motivasi kepada pelajar OKU sebelum mereka tamat belajar supaya mereka lebih bermotivasi, berdikari dan berkeyakinan dalam menentukan kerjaya mereka dan memberi pendedahan kepada keluarga yang mempunyai anak kurang upaya agar mempunyai pemikiran positif dalam membimbing anak-anak mereka untuk masa depan yang lebih baik. Segala kekangan ini perlu diatasi bagi membantu meningkatkan tahap ekonomi OKU. Jika kekangan ini dibiarkan berada di takuk lama, nasib golongan ini tidak akan terbela. Peluang yang diberikan harus direbut untuk mereka menunjukkan kelebihan diri di sebalik kekurangan yang dimiliki.

Masyarakat normal biasanya tidak dapat memahami kehidupan orang pekak kerana ilmu dan pancaindera manusia adalah terhad. Oleh kerana itu, sesetengah daripada OKU ini akan berasa malu dan terpinggir disebabkan kekurangan yang mereka alami. Ini menyebabkan mereka hilang atau kurang keyakinan apabila berhadapan dengan masyarakat. Tambahan pula dengan sikap negatif segelintir pihak yang memandang rendah kekurangan mereka dengan memberikan penderaan sama ada dari segi fizikal mahupun mental akan menyebabkan mereka disisihkan daripada komuniti masyarakat, lebih-lebih lagi OKU daripada kalangan kanak-kanak. Ini jelas memberi kesan kepada perkembangan minda dan jati diri mereka. Sikap sebegini harus ditegah bagi mengelakkan pengelasan taraf kehidupan dan sistem kasta dalam masyarakat.

---

Faktor yang dapat mengubah sikap negatif terhadap OKU adalah maklumat mengenai kumpulan ini dan hubungan secara langsung dengan mereka. Lebih banyak maklumat mengenai OKU yang diketahui oleh masyarakat, maka semakin kurangnya stereotaip negatif mengenai OKU dan semakin positif sikap mereka terhadap OKU (Katz, Haz & Bailey 1988; Ibrahim & Herr 1982).

Menurut Hasnah Toran et al. (2010) di dalam kajiannya bertajuk '*Pengetahuan dan Sikap Rakan Sebaya Terhadap Pelajar Kurang Upaya di Sebuah IPTA di Malaysia*' menyatakan bahawa terdapat pelajar IPTA yang mempunyai sikap dan pandangan yang baik terhadap pelajar OKU namun tahap pengetahuan mereka mengenai OKU dan pendedahan mereka dengan OKU adalah rendah. Pengetahuan mengenai OKU berpotensi untuk mengubah sikap dan pandangan pelajar IPT terhadap pelajar OKU. Penyelidik menyarankan pihak IPT memasukkan pendidikan mengenai OKU ke dalam kursus pengajian agar pengetahuan yang disampaikan bermanfaat untuk jangka masa yang panjang demi kesejahteraan OKU amnya. Jika program pendidikan ini dilaksanakan, kajian longitud wajar dijalankan untuk mengkaji sama ada langkah ini berkesan dan sikap positif terhadap OKU yang disemai terus kekal.

Pengetahuan seseorang terhadap sesuatu isu terutama mengenai hak OKU adalah sangat penting. Kajian (Samsudin, 2002) menunjukkan bahawa tanpa pengetahuan yang cukup, seseorang individu tidak boleh membuat keputusan dan tindakan yang positif terhadap sesuatu isu. Namun begitu, bukanlah satu jaminan bahawa seseorang yang mempunyai pengetahuan yang cukup akan mengambil tindakan positif. Ada juga ketikanya, mereka yang mempunyai pengetahuan yang tinggi bertindak sebaliknya.

Pendedahan terhadap mesej yang dijalankan dijangka dapat meningkatkan tahap pencarian maklumat di kalangan masyarakat. Menerusi maklumat yang diperolehi, amatlah diharapkan berlakunya perubahan yang positif dan kesedaran dalam memahami hak OKU.

Oleh itu, dasar OKU menjadi asas kesaksamaan hak dan peluang kepada OKU bagi penyertaan penuh dalam masyarakat. Dasar OKU turut mengutamakan nilai hak kemanusiaan

---

seperti kemuliaan, kehormatan dan kebebasan bagi membolehkan mereka hidup berdikari. Golongan orang kurang upaya (OKU) merupakan sebahagian daripada masyarakat. Oleh itu, mereka mempunyai kesaksamaan hak dan peluang untuk menjalani kehidupan seperti anggota masyarakat yang lain. Pendekatan berasaskan hak atau rights-based dan juga perlindungan wajar digunakan bagi menjamin kepentingan dan kesejahteraan OKU.

Menurut kajian Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) (dalam Zakiyah Jamaluddin, 2011) sekitar 15 peratus daripada jumlah penduduk sesebuah negara sebenarnya terdiri daripada golongan OKU. Ini jelas menunjukkan bahawa OKU bukanlah sekadar minoriti sesebuah negara, justeru perincian dan langkah wajar perlu diambil bagi membolehkan mereka terlibat dalam pelbagai aspek pembangunan negara.

Berbeza dengan negara maju yang lain, hak OKU di Malaysia masih berlandaskan kebajikan. Ini sebenarnya agak kurang adil kerana seperti orang normal yang lain, ramai OKU juga mempunyai potensi yang amat berguna kepada diri dan masyarakat sekeliling. Justeru usaha perlu ditingkatkan agar paradigma hak OKU dapat dijanjikan supaya ia berlandaskan pembangunan dan kesaksamaan hak dalam segenap aspek kehidupan.

## **ANALISIS TEORI**

Menurut kajian yang dilakukan Robert Zajonc (1982) menerangkan bahawa pendedahan seseorang kepada sesuatu objek secara berulang-ulang akan menyebabkan mereka membina sikap yang positif terhadap objek tersebut. Fenomena ini dipanggil sebagai 'kesan pendedahan', tanpa memerlukan apa-apa tindakan terhadap objek tersebut mahupun mengenai kepercayaan mengenainya. Ini menunjukkan secara semula jadinya kita dapat membina minat kita kepada sesuatu benda yang berulang-ulang kali di persembahkan kepada kita atau sesuatu yang sudah menjadi kebiasaan kepada kita.

Manakala Morley & Brunson (1999) mengatakan sejarah kajian khalayak telah berubah antara perspektif yang menekankan kuasa teks media (mesej atau isi kandungan) kepada

---

khalayaknya serta perspektif yang menekankan halangan yang melindungi potensi khalayak daripada menjadi kesan mesej.

Harold Lasswell (1948) berpendapat bahawa media harus mengawal masyarakat, membentuk masyarakat, membantu masyarakat memahami dunia di sekeliling mereka dan bertindak sebagai penggerak sosialisasi. Media dijangka melahirkan rasa muhibbah dan pola pemikiran bagi menyediakan model kehidupan. Kemungkinan media akan memenuhi fungsi yang diberikan banyak bergantung kepada kandungan mesej yang bercetak dan rancangan penyiaran yang disiarkan.

Kajian ini menunjukkan bahawa media massa sangat memainkan peranannya sebagai medium perantaraan dalam menyampaikan maklumat serta memberikan kesedaran kepada masyarakat. Media massa dianggap mempunyai kuasa dan pengaruh yang besar terhadap individu dan institusi masyarakat. Kepercayaan tentang kuasa dan pengaruh media massa ini tergambar dalam pepatah *mata pena lebih tajam daripada mata pedang*. Para pengkaji propaganda percaya bahawa mesej komunikasi yang disampaikan oleh media massa bukan sekadar memberikan maklumat kepada orang ramai malah dapat mengubah pendapat dan pengaruh mereka.

Wesley C. Clarke secara jelas menyokong tanggapan bahawa media amat berkuasa. Clarke berpendapat bahawa media telah diberi kepercayaan penuh kerana ia telah berjaya mencorakkan perubahan sosial di Amerika. Harold D. Lasswell, seorang ahli sains politik pula menggambarkan pendapat Lippmann dalam esainya yang berjudul 'gambaran manipulasi'. Lasswell melihat gambaran pemikiran manusia yang boleh diubah oleh manipulasi propaganda.

Dalam hubungan inilah strategi komunikasi yang digunakan oleh pengendali media berperanan penting termasuk dalam hal berkaitan penyebaran maklumat mengenai kesamarataan hak dalam kalangan OKU. Kandungan mesej yang digunakan untuk menyampaikan mesej berperanan dalam mempengaruhi, menentukan atau mengubah kepercayaan, sikap, tanggapan

---

dan pendapat khalayak. Kandungan mesej dalam media dapat meningkatkan kesan apabila mesej itu menawarkan maklumat yang unik, penting dan memenuhi kepentingan khalayak.

Manakala Cohen (1963) dalam kajiannya mengenai aspek media massa telah menyatakan dalam kebanyakan keadaan, media tidak berupaya mempengaruhi orang ramai bagaimana untuk berfikir tetapi yang ajaibnya ialah media berjaya mempengaruhi pembacanya untuk menentukan apa yang perlu difikirkan. Justeru media telah dilabelkan sebagai agen perubahan masyarakat yang baru yang ternyata pengaruhnya melebihi suara-suara yang lain.

Dalam kajian ini, OKU dilihat berbeza dengan orang normal. Oleh itu, keperluan dari sudut mekanisme dan pelaksanaan penyampaian maklumat turut berbeza. Mereka memerlukan pembinaan motivasi dan pegangan hidup, pelaksanaan tanggungjawab dalam agama secara amali. Selain itu perlu ada penggunaan bahasa hubungan yang sesuai dan mudah difahami seperti bahasa isyarat, Braille dan media yang sesuai (Ab. Aziz Mohd Zin et al., 2009).

Oleh itu, OKU sangat memerlukan penyampaian maklumat serta kesedaran daripada masyarakat tentang hak-hak mereka lebih daripada golongan normal dan memerlukan perhatian yang sewajarnya daripada masyarakat, ibu bapa dan sebagainya. Pelaksanaan penyampaian maklumat dan kesedaran terhadap OKU di Malaysia masih menunjukkan kelemahan sama ada di peringkat institusi media dan masyarakat (Ab. Aziz Mohd Zin et al., 2009). Walau bagaimanapun usaha terhadap golongan ini tetap tidak diabaikan malah semakin mendapat perhatian daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat. Usaha pihak kerajaan dan NGO dalam memberi kesedaran tentang OKU patut dialu-alukan oleh masyarakat. Menjadi tanggungjawab dan peranan bukan sahaja pihak kerajaan dan NGO malahan media massa sebagai institusi yang paling berpengaruh bertanggungjawab menangani permasalahan golongan tersebut.

Menurut undang-undang di Malaysia, OKU mempunyai hak dan kelebihan sebagai rakyat melalui peruntukan Akta Orang Cacat 2002. Ini bertujuan menjaga kemaslahatan mereka sama ada dari segi pendidikan, pekerjaan, program pemulihan, penggunaan kemudahan akses, perkhidmatan sosial, keselamatan, penghindaran daripada pendiskriminasi dan penubuhan

---

suruhanjaya khas. Maka media dan masyarakat harus ada timbal balik antara satu sama lain bagi menjayakan matlamat untuk menyampaikan maklumat dan kesedaran tentang hak-hak OKU di Malaysia. Media juga harus dilihat sebagai agen dalam memainkan peranan penting mengimbangi keberkesanan dasar kerajaan.

Namun ada sesetengah media massa juga sering memaparkan contoh yang kurang baik dan secara tidak langsung membantu perkembangan prejudis, dikriminasi dan stereotaip. Misalnya, kekerapan tayangan televisyen dan filem mengenai peranan atau status watak tertentu, seperti menunjukkan tingkah laku yang baik kepada hero dan heroin kepada segolongan etnik, manakala orang jahat hanya kepada etnik tertentu sahaja dan status kedudukan yang tinggi hanya pada golongan tertentu (Towles-Schwen & Fazio 2001).

Walau apa jua situasi, pemaparan isu-isu dan berita-berita yang tepat, benar dan bertanggungjawab terutama mengenai hak-hak OKU amat penting dalam proses ini. Di sini media berperanan sebagai *check and balance* dalam menentukan sejauhmana kesedaran masyarakat mengenai isu ini.

## **KESIMPULAN**

Justeru itu, layanan terhadap golongan OKU mestilah sama dengan orang yang sempurna. Kekurangan yang mereka miliki bukanlah tiket untuk masyarakat melayan mereka secara sambil lewa, apa lagi untuk menghina mereka. Al-Quran menyebut tentang larangan mencemuh atau memandang hina sesama manusia, firman Allah SWT :

*"Wahai orang-orang yang beriman, janganlah suatu kaum mengolok-olokkan kaum yang lain (kerana) boleh jadi mereka (yang diolok-olokkan) lebih baik dari mereka (yang mengolok-olokkan) dan jangan pula wanita-wanita (mengolok-olokkan) wanita lain (kerana) boleh jadi wanita-wanita (yang diperolok-olokkan) lebih baik dari wanita (yang mengolok-olokkan) dan janganlah kamu mencela dirimu sendiri dan janganlah kamu panggil memanggil dengan gelar-gelar yang buruk. Seburuk-buruk panggilan ialah (panggilan) yang buruk sesudah iman dan barangsiapa yang tidak bertaubat, maka mereka itulah orang-orang yang zalim." (Surah al-Hujurat 49 : 11)*

---

Pandangan ini jelas berbeza dengan apa yang disebut dalam al-Quran, iaitu ditunjukkan kepada mereka yang tidak mahu mendengar seruan, tidak mahu menerima hakikat kebenaran Islam khususnya golongan kafir dan munafik dan secara umumnya kepada manusia yang ingkar. Ternyata bahawa pandangan tentang OKU sebagai suatu kecacatan dan keaiban itu tersasar jauh daripada kehendak Islam.

Selama 30 tahun, nasib OKU tidak banyak berubah kecuali sedikit pesta setiap kali menyambut slogan propaganda masyarakat penyayang. Oleh yang demikian, masyarakat harus sedar dan mempunyai kesedaran terhadap satu golongan minoriti yang selalu diabaikan dalam masyarakat. Kehadiran mereka kadang kala tidak disedari, kecuali bagi mereka yang mempunyai hubungan kekeluargaan dan sering berurusan dengan mereka sahaja. Ini kerana kemudahan dan persekitaran di sekeliling mereka banyak yang tidak memberi kesan kepada mereka. Pendidikan melalui media massa mengenai OKU berpotensi untuk mengubah sikap dan pemahaman masyarakat terhadap OKU. Disarankan memasukkan pendidikan mengenai OKU ke dalam kursus-kursus pengajian agar pengetahuan yang disampaikan bermanfaat untuk jangka masa yang panjang demi kesejahteraan OKU amnya. Jika program pendidikan ini dilaksanakan, kajian longitud wajar dijalankan untuk mengkaji sama ada langkah ini berkesan dan sikap positif terhadap OKU yang disemai terus kekal.

#### **BIODATA PENULIS**

*Hazlin Falina Rosli* ialah calon Doktor Falsafah di Pusat Pengajian Media dan Komunikasi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. [hazlinfalina@yahoo.com](mailto:hazlinfalina@yahoo.com)

*Wan Amizah Wan Mahmud* ialah Profesor Madya dan Ketua Program Komunikasi Media di Pusat Pengajian Media dan Komunikasi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Email: [wan\\_amizah@ukm.edu.my](mailto:wan_amizah@ukm.edu.my)

*Maizatul Haizan Mahbob* adalah pensyarah kanan di Pusat Pengajian Media dan Komunikasi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Email: [maiz@ukm.edu.my](mailto:maiz@ukm.edu.my)



## RUJUKAN

- Abd. Aziz Mohd Zin et al. 2006. *Dakwah Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Carver, Roger. 1993. Information: feast or famine, Eye to Eye.
- Clogston, J.S. 1990. *Disability Coverage in 16 Newspapers*. Louisville: Advocado Press.
- Draf Akta Orang Cacat. Pertubuhan Orang Buta Malaysia, Kuala Lumpur, 2002.
- Laporan Dasar dan Pelan Orang Kurang Upaya. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Kompleks Pejabat Kerajaan Bukit Perdana, Kuala Lumpur, 21 November 2007.
- Fazio, R.H., & Towles-Schwen, T. 2001. *The Psychology of Prejudice and Discrimination*. New York : Guilford.
- Hasnah Mahasan. 1997. Sambutan Masyarakat Terhadap Orang Kurang Upaya: Satu Persepsi Mereka Sendiri di Pusat Pemulihan Samarahan. Disertasi Sarjana Muda Sains Sosial, Pengurusan Khidmat Sosial, Universiti Malaysia Sarawak.
- Hasnah Toran., Muhamad, T. A., Yasin, M. H. M., Tahar, M. M., & Hamzah, N. H. 2010. Pengetahuan dan sikap rakan sebaya terhadap pelajar kurang upaya di sebuah IPTA di Malaysia. *Ajtlhe*, 2(2), 22–34. Retrieved from <http://journalarticle.ukm.my/1499/>
- Ibrahim, F. A., & Herr, E. L. 1982. Modification of attitudes towards disability: Differential effect of two educational modes. *Rehabilitation Counseling Bulletin*, 26 (1), 29–36.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia. 2014. Profail Statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat 2014. (Report). Kuala Lumpur, Malaysia: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.
- Katz, I., Hass, R.G. & Bailey, J. 1988 Attitudinal ambivalence and behavior towards people with disabilities. Dlm. H.E. Yunker, (pnyt.), Attitudes Toward Persons with Disabilities 47-57 New Year: Springer Publishing Company.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 2010. Rancangan Malaysia Kesepuluh 2011-2015. *Rancangan Malaysia Kesepuluh 2011-2015*, 193–251.
- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. 2010. Malaysia Meratifikasi Konvensyen Hak Orang Kurang Upaya. Siaran Media, 1–10.

- Laswell, H. (1948). The structure and function of communication in society. In L. Bryson (Ed.), *The communication of ideas*. New York: Harper.
- Laporan Hak Asasi Manusia. 2003. Malaysia Biro Demokrasi, Hak Asasi Manusia, dan Buruh. Laporan amalan Hak Asasi Manusia Negara Malaysia 2010. Kuala Lumpur, 20 November.
- Wong Hon Wei. 2001. Laporan tahunan Suruhanjaya Hak Asasi Suruhanjaya Malaysia (SUHAKAM). Kuala Lumpur.
- Morley, D. & C. Brunson. 1999. *The Nationwide Television Audience*. London: Routledge.
- Samsudin A. Rahim. 2002. Media dan Identiti budaya: Ke arah Membangunkan Industri Kandungan Tempatan Yang Berdaya Tahan. *Jurnal Komunikasi* Vol 17: 67-80.
- Shapiro, B. 1994. *What children bring to light: A constructivist perspective on children's learning in science*. New York: Teachers College Press.
- Zakiah Jamaluddin. 2011. Kemiskinan Dan Keciciran Dalam Pendidikan. *Jurnal Kebajikan Masyarakat*, 37, 1–17.
- Zajonc, Robert B, and Hazel Markus. 1982. "Affective and Cognitive in Preferences." *Journal of Consumer Research* 9 (2): 123–31.